

NO. SOALAN : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK]**

SOALAN :

YB. Dr. Mansoor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan dengan mengambil contoh di peringkat Eco-Tourism, apakah langkah-langkah untuk meningkatkan jumlah pekerja mahir dalam bidang pelancongan selain daripada kursus-kursus yang diadakan di IPTA/IPTS.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ada menjalankan pelbagai program pembangunan kapasiti tenaga kerja dalam sektor pelancongan dan kebudayaan secara berterusan bagi meningkatkan kualiti kemahiran dan tahap profesionalisme sumber manusia agar berdaya saing di peringkat antarabangsa. Usaha ini dilaksanakan dengan kerjasama di kalangan agensi-agensi kerajaan pusat dan negeri, IPTA, IPTS, Institut Latihan Pelancongan, Kolej Komuniti Institut Kemahiran Belia Negara dan NGO Pelancongan dan sektor swasta. Antara program yang dijalankan secara berterusan adalah Program Latihan *We Are The Host, Tourism English, Think Tourism Act Tourism* dan lain-lain yang disasarkan kepada petugas barisan hadapan di dalam industri pelancongan.

Di samping itu, kementerian juga mengadakan latihan kepada tenaga kerja mahir yang baru. Antara latihan serta usaha yang telah dan sedang dijalankan termasuk latihan pra-syarat bagi mendapat lesen sebagai agen pelancongan dan pengembaraan (TTMC & TTEC), latihan pemandu pelancong, caddy golf, penyelam, serta pekerja housekeeping hotel. Bagi memastikan tenaga pekerja dalam sektor pelancongan adalah berkemahiran, kesemua latihan yang dijalankan perlu menggunakan silibus yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia bagi melayakkan pelatih menerima sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Kementerian juga telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia Pelancongan (NTHRDC) sejak tahun 2007 sebagai badan utama yang membincangkan isu-isu dasar dan strategi yang berkaitan dengan tenaga kerja industri pelancongan. Badan ini dianggotai oleh semua agensi yang berkaitan yang mempunyai kepentingan yang utama dalam membangunkan tenaga kerja dalam industri pelancongan seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Standard, Persatuan Agen Pelancongan dan Pengembaraan dan Universiti Tempatan. Majlis ini dibentuk

dengan tiga Kumpulan Kerja Teknikal iaitu Pembangunan Kerjaya Pelancongan, Keperluan Latihan dan Analisa Pasaran Buruh serta Kualiti Tenaga Kerja Pelancongan. Kumpulan kerja Teknikal akan mengenalpasti masalah dan cabaran serta jalan penyelesaian kepada cabaran tenaga kerja semasa. Antara inisiatif strategik yang dirancang dan di pantau oleh NTHRDC adalah:

1. Menjalinkan kerjasama yang lebih erat diantara KPK, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pelajaran untuk menguruskan pembangunan sumber manusia sektor pelancongan;
2. Meningkatkan kualiti sumber manusia sektor pelancongan dengan mewujudkan kerjasama pintar antara institusi latihan pelancongan, koridor ekonomi serantau dan agensi kerajaan negeri;
3. Meningkatkan minat dan pendedahan awal golongan belia terhadap kerjaya di sektor pelancongan; dan
4. Melahirkan lebih ramai pelatih bagi memperkasakan kapasiti tenaga kerja sektor pelancongan.

Dalam bidang eko pelancongan pula, program pembangunan sumber manusia juga merupakan salah satu bidang utama yang difokuskan di dalam Pelan eko pelancongan Negara 2016 - 2025. Pelan ini dilancarkan untuk melaksanakan strategi sektor pelancongan yang mempromosi Malaysia sebagai destinasi eko-pelancongan perdana di rantau ini serta tumpuan kepada konservasi sebagai sumber ekonomi alternatif yang boleh menjana pendapatan serta telah mencipta peluang baru bagi komuniti tempatan untuk terlibat sama dalam sektor pelancongan.

Pelan tersebut telah mengenal pasti beberapa bidang pekerjaan khusus yang berkaitan dengan eko-pelancongan seperti *bird watching*, *caving*, *scuba diving* dan bidang yang berkaitan. Program-program latihan dalam bidang-bidang ini akan dijalankan dengan lebih kerap bagi memastikan Malaysia mempunyai pekerja mahir yang mencukupi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. MANSOR BIN ABD
RAHMAN [SIK]**

SOALAN :

YB Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang menerima biasiswa JPA dari tahun 2012 hingga 2015 dan apakah kelayakan minima bagi pelajar mendapat biasiswa JPA.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar yang menerima tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari tahun 2012 hingga 2015 adalah seramai 41,690 pelajar. Syarat permohonan adalah berbeza mengikut program penajaan JPA dan diubahsuai setiap tahun selaras dengan objektif program masing-masing. Bagi tahun 2016, Kerajaan melalui JPA akan melaksanakan 6 program penajaan iaitu Program Penajaan Nasional, Program Khas Kejuruteraan Jepun, Korea, Perancis dan Jerman, Program Ijazah Dalam Negara, Program Dermasiswa B40, Program Lulusan Bursary, serta Program Bursary. Syarat-syarat minimum adalah pelbagai mengikut program sebagai contoh Program Khas Kejuruteraan Jepun, Korea, Perancis dan Jerman bagi tahun 2016, pemohon mestilah mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam 7 mata pelajaran manakala Program Penajaan Nasional 2016 merupakan penajaan kepada 20 pelajar terbaik SPM 2015 yang mana senarai calon diperolehi daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Sekian. Terima kasih.